

# UMP menang Anugerah Buku Negara 2018

utusan Malaysia (Timur) 18 Mei 2018 (Jumaat) m/s: 27

**KUANTAN 17 Mei** - Kecemerlangan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dalam bidang penerbitan terus menyinar apabila buku *Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj* terbitan Penerbit UMP memenangi Anugerah Buku Negara 2018 sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2018, baru-baru ini.

Pengarah Penerbit UMP, Prof. Madya Dr. Abdul Ghani Awang berkata, buku setebal 269 muka surat itu yang mengisahkan riwayat hidup Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Canselor universiti awam berkenaan menang Buku Umum Terbaik bagi kategori Biografi Diraja.

Beliau berkata, UMP sentiasa memberi galakan berterusan kepada warga kerja universiti itu menghasilkan karya-karya berkualiti yang layak dinilai untuk pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

“Kejayaan mengungguli Kategori Biografi Diraja yang julung-julung kali diperkenalkan dalam edisi Anugerah Buku Negara kali ini membuktikan kemampuan UMP meneroka kajian tokoh secara biografikal bagi merencanakan aktiviti penyelidikan dan penerbitan ilmiah di universiti ini.

*Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj* yang dilancarkan sendiri oleh Tengku Abdullah dalam Majlis Makan Malam sempena Konvokesyen Ke-12 UMP pada 17 November tahun



**AZMAN MD. DIAH** bersama **Abdul Ghani Awang**, **Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain** (dua dari kanan) dan **Pembantu Penyelidik, Mohd. Mukhris Awang** (kanan) menunjukkan buku dan piala Anugerah Buku Negara yang dimenangi dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2018, baru-baru ini.

lalu memuatkan enam bab dan 158 foto bersejarah mengenai riwayat hidup baginda dan Kesultanan Pahang yang diperolehi daripada pelbagai sumber autoritatif dari dalam dan luar negara,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Buku itu merupakan cetusan inspirasi Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan dihasilkan oleh Pensyarah Undang-Undang di Fakulti Pengurusan Industri, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain serta Pereka Kanan di Pejabat Naib Canselor, Azman Md. Diah.

Anugerah Buku Negara merupakan acara tahunan kelolaan Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPNB) yang menerima 400 permohonan pencalonan bagi 48 kategori untuk edisi tahun ini.

Abdul Ghani berkata, turut menghiaskan kandungan buku itu, 42 rangkap *Syair Tengku Mahkota* nukilan Wan Nazrul Helmy yang juga Ketua Penyelidik Pejabat Naib Canselor.

Sementara itu, Wan Nazrul Helmy berkata, pihaknya mengambil masa hampir empat tahun menghasilkan karya itu yang melalui penyelidikan teliti termasuk semakan manuskrip secara peribadi oleh Tengku Abdullah bagi memastikan ketepatan fakta dipaparkan.

“Bagi menghidupkan kandungan buku ini sebagai sebuah ‘muzium’ yang boleh dibaca dan dibawa ke mana-mana, kerangka naratifnya distrukturkan berdasarkan teknik ‘zine’ yang popular di barat tetapi jarang digunakan dalam karya bahasa Melayu,” katanya.